

## MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – 2 Februari 2016 ( A )

# Projek mega pacu ekonomi

» Perbelanjaan pengguna mampu bantu rangsang pertumbuhan

**M**emandangkan tahap hutang kerajaan yang menghampiri 55 peratus, sektor swasta dan rakyat diperlukan untuk sama-sama membantu merangsang ekonomi negara.

Berikutnya itu, caruman wajib pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dikurangkan sebanyak tiga peratus, dijangka menjana RM8 bilion dalam perbelanjaan penggunaan.

Tambahan itu, sebanyak RM5 bilion dijangka diperoleh daripada kecairan baharu di dalam sistem susulan penurunan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun bank tempatan daripada 4.0 kepada 3.5 peratus.



RITA BENOY  
BUSHON

Selain itu, terdapat tambahan RM350 juta daripada pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 yang akan memanfaatkan kiranya dua juta pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bulanan RM8,000 ke bawah dalam tahun taksiran 2015.

### Sumbangan cukai

Hasil sumbangan cukai daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dijangka pada 2016 mungkin lebih daripada anggaran awal sebanyak RM39 bilion.

Langkah berkenaan boleh membantu kehidupan isi rumah dengan menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. Namun, ia juga boleh mengakibatkan risiko peningkatan hutang isi rumah, sekiranya pendapatan boleh guna itu tidak digunakan secara berhemat.

Unjurian pertumbuhan KDNK telah disemak semula pada tahap 4.0 hingga 4.5 peratus berbanding 4.5 hingga 5.5 peratus sebelum ini, dengan meneruskan projek penggandaan.



**MRT antara projek mega yang diunjur mampu galak pertumbuhan ekonomi.**

Projek berkenaan termasuk MRT dan LRT Lembah Klang, Lebuhraya Pan-Borneo, Vision Valley Malaysia, Cyber City Centre, RAPID Penggerang dan Rel Berkelaian Tinggi (HSR) KL-Singapura demi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus ampuh secara keseluruhan.

Negara tidak mampu menghadapi sebarang ketirisan lagi dan perlu mengamalkan cara yang lebih tegas untuk memeriksa per-

belanjaannya.

Tadbir urus awam adalah sama penting, jika tidak lebih penting daripada tadbir urus korporat, kerana fungsinya secara betul memberi impak kepada lebih ramai penduduk di negara ini.



### Penulis

ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

# Public Mutual umum agihan RM104 juta

**PUBLIC** Mutual, anak syarikat milik penuh Public Bank, mengumumkan pengagihan berjumlah lebih RM104 juta untuk empat dana, bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2016.

Dana berkenaan adalah Public Dana Index (2.25 sen seunit), Public Dana Islamic Optimal Growth (1.00 sen seunit), Public Dana Enhanced Bond (4.75 sen seunit) dan Public Dana Money Market (3.00 sen seunit).

Public Dana Index, Public Dana Islamic Optimal Growth dan Public Dana Enhanced Bond adalah dana terbuka kepada Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Public Mutual berkata, semua dana berkenaan diedarkan oleh perunding unit amanah Public Mutual.

Public Mutual, syarikat unit amanah swasta terbesar di Malaysia, kini menguruskan lebih daripada 100 dana unit amanah. Ia juga adalah penyedia Skim Persaraan Swasta (PRS) yang diluluskan yang menguruskan sembilan dana PRS.

Syarikat berkenaan mempunyai 32 cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan di seluruh negara. Setakat 31 Disember 2015, jumlah saiz dana yang diuruskan oleh syarikat itu adalah sebanyak RM64.8 bilion.